

19/03/2000

Salah pilih rombongan tak berkesan

KIAU minta maaf banyak-banyak kalau Kiau kata, Kiau ketawa baca berita ahli perniagaan Malaysia yang lebih pentingkan golf dan karaoke daripada rundingan dengan rakan niaga mereka.

Bukan tujuan Kiau nak perkecil sesiapa atau meremehkan suatu perkara yang penting. Kiau ketawa pasal kita sudah banyak kali dengar sungutan macam yang dibuat Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin baru-baru ini.

Menteri Kewangan bersungut mengenai ahli perniagaan yang tak hadir mesyuarat yang sudah ditetapkan kerana asyik main golf dan berhibur di kelab karaoke.

Kejadian yang memalukan ini berlaku waktu lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jakarta minggu lepas.

Daim kata, kebanyakan mereka habiskan masa main golf dan berhibur di kelab karaoke sampai tak hadir mesyuarat yang sudah diatur oleh rakan perniagaan mereka.

Kiau harap jangan ada pihak yang marah kalau Kiau kata media massa sendiri sudah banyak kali lapor dan buat ulasan mengenai sikap yang memalukan ini.

Perbuatan macam ini boleh dikatakan terjadi dengan semua misi dan lawatan rasmi yang disertai ahli perniagaan.

Kiau ingat lagi lawatan Dr Mahathir ke Russia pada tahun 1987. Oleh kerana lawatan itu penting dan istimewa, maka banyaklah ahli perniagaan yang ikut serta. Lagipun masa itu bukan senang hendak melawat Russia.

Bermula dengan penerbangan dari Budapest, ibu negara Hungary, kita sudah tahu bahawa keadaan di Russia sangat berlainan daripada di tanah air kita atau di negara Barat.

Daripada keadaan kapal terbang milik syarikat penerbangan Russia, Aeroflot jenis TU154 yang disediakan oleh Kerajaan Russia kita sudah tahu mutu dan jenis kemudahan di negara komunis itu.

Tetapi tidak semua anggota rombongan menyedari atau bersedia menerima hakikat itu. Akibatnya banyak yang bersungut apabila mendapati mutu peralatan dan perkhidmatan di Hotel Rusia tidak memuaskan.

Apa yang tidak mereka sedari ialah bagi orang Russia, Hotel Rusia bukan saja yang terbesar di negara itu tetapi yang terbaik.

Apabila akhbar New Straits Times membuat laporan mengenai sungutan ahli perniagaan itu, pegawai yang mengatur lawatan berkenaan tidak begitu senang hati. Mereka kata media massa mensensasikan rungutan ahli perniagaan itu.

Kejadian seperti ini berulang di banyak tempat yang dilawati Perdana Menteri walaupun umumnya ahli perniagaan diberi layanan lebih baik daripada wartawan.

Masalahnya bukan semua ahli perniagaan yang ikut serta dalam rombongan rasmi ini serius mencari peluang perniagaan atau membantu mengharumkan nama negara.

Maaflah kalau Kiau kata ada yang ikut serta kerana hendak mengampu ketua rombongan. Ada yang hendak bersentuh bahu. Ada pula yang hanya untuk tunjuk muka.

Dan tidak kurang pula yang menjadikan lawatan ini sebagai alasan untuk melancong ke luar negara atas perbelanjaan syarikat, khususnya ke tempat-tempat yang sukar dikunjungi.

Jadi tidak hairanlah kalau golf, karaoke, disko dan kasino menjadi pilihan utama mereka. Inipun bukan perkara baru dan tidak terhad kepada

ahli perniagaan sahaja. Anggota rombongan lain pun ada yang terbabit.

Maaflah kalau Kiau kata nak salahkan ahli perniagaan saja pun tak patut. Mereka bukan datang sendiri. Kalau pun ada yang datang sendiri, bilangannya tak ramai.

Mereka dijemput dan dipilih oleh pegawai-pegawai yang merancang dan mengatur misi rasmi ini. Banyak daripada ahli perniagaan yang buat perangai itu bukan orang asing kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Malah sesetengah daripada mereka adalah rakan golf dan rakan karaoke kepada pegawai-pegawai yang sama. Jadi mereka pun kenalah turut bertanggungjawab. Tak boleh salahkan ahli perniagaan saja.

Amalan menjemput ahli perniagaan untuk meramai dan memeriahkan rombongan tidak semestinya baik. Memanglah membanggakan kalau rombongan besar dan meriah. Tapi apabila ramai, tentulah ada yang tidak serius atau buat kacau.

Bukanlah tujuan Kiau mengajar sesiapa, tapi eloklah pegawai yang merancang misi rasmi ini memberi keutamaan kepada mutu penyertaan daripada bilangan peserta kalau perkara seperti yang ditegur Daim itu hendak dihenti atau dikurangkan.

(END)